

# Kempen Yahudi tidak jejaskan pelancongan

BH 2/11/03

**A**PA sumbangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada sektor pelancongan negara sepanjang perkhidmatannya?

Imej Dr Mahathir yang dihormati di seluruh dunia memang menguntungkan sektor pelancongan negara dalam usaha kita memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Beliau terkenal di Asia, Afrika, Asia Barat dan Barat. Oleh kerana namanya itu menyebabkan orang asing mengenali Malaysia. Apabila orang asing mengetahui keadaan Malaysia yang aman damai dengan pelbagai kaum, maka dengan sendirinya imej Malaysia terbentuk sebagai sebuah negara membangun yang sedang meningkat maju. Ia menarik publisiti yang cukup baik secara langsung dan tidak langsung. Imej Dr Mahathir pada peringkat antarabangsa menyebabkan warga asing mengenali Malaysia dan ini memudahkan kita membuat promosi.

**Mampukah kumpulan pelobi Yahudi mengajak pelancong asing memulau sektor pelancongan negara ini berikutan ucapan Dr Mahathir baru-baru ini dan setakat mana ia boleh menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini dalam jangka panjang?**

Usaha itu tidak akan berkesan, sebab hanya pemimpin tertentu saja yang bercakap dan

mengeluarkan kenyataan marah terhadap kita. Kebanyakan masyarakat umum antarabangsa yang rasional termasuk di negara Barat sendiri menerima dan memahami kenyataan yang dibuat menerusi ucapan Dr Mahathir. Ucapan Dr Mahathir itu ialah satu pandangan ikhlas daripadanya dan bukan satu tindakan kekerasan yang dilakukan oleh negara ini terhadap mana-mana pihak. Orang yang nak datang ke negara ini, tetap akan datang tanpa menghiraukan rancangan pelobi Yahudi yang menyeru

---

**PELOBI Yahudi mengajak pelancong asing memulau Malaysia sebagai destinasi pelancongan kerana tidak puas hati mereka terhadap kenyataan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan mesyuarat Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) bulan lalu.**

**Namun usaha itu lebih bersandar kepada emosi semata-mata dan keengganan mereka menerima hakikat sebenar kenyataan yang diluahkan Dr Mahathir, di samping putar belit yang dilakukan oleh media asing.**

**Wartawan *Berita Minggu*, ISMAIL MAT dan ZURAIDAH MOHAMED, menemui Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, untuk mendapatkan penjelasan kesan gesaan pemuluan itu.**

---

usaha memboikot pelancongan negara kita. Kebanyakan pelancong ke negara kita ialah dari Benua Asia, dan di Barat tidak ada kesan yang besar, kita tidak perlu bimbang pemuluan mereka. Kita yang paling bimbang ialah Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) kerana ia akan menjejaskan pakej percutian sempena musim panas dan musim sejuk.

**Selama ini ramaiakah pelancong Yahudi yang melawat Malaysia?**

Saya tidak mempunyai perangkaan sebenar tetapi sepanjang pengetahuan saya jumlah mereka terlalu sedikit kerana pelancong Barat hanya merangkumi 20 peratus daripada pelancong asing yang datang ke negara ini. Kira-kira 80 peratus pelancong asing ke Malaysia dari negara Asia. Memang ada pelancong Yahudi yang datang ke negara kita tetapi mereka bukan datang dari Israel, sebaliknya Yahudi yang tinggal di negara lain. Kita tidak pernah sekat kedatangan mereka. Saya penuh yakin Yahudi

yang ada di seluruh dunia kecuali Israel akan datang lagi ke Malaysia. Banyak orang Yahudi sendiri setuju dengan Dr Mahathir mengenai keperluan penyelesaian krisis yang timbul di dunia. Cuma ketika ini, rakyat dari Israel tidak diterima di negara ini kerana kita tidak mengiktiraf pasport mereka. Saya rasa kita tidak perlu besarkan isu pelobi Yahudi ini kerana perbezaan pendapat sentiasa berlaku di negara Barat. Ringkasnya usaha mereka tidak akan menjejaskan pelancongan kita.

**Sebelum ini, kita juga menghadapi krisis dengan Singapura. Adakah ia menjejaskan kedatangan rakyat negara itu ke sini terutama untuk berbelanja di sekitar Johor Bahru?**

Orang ramai kini semakin menyedari dan mengetahui perbezaan pandangan terhadap sesuatu isu yang timbul antara negara. Macam dengan Singapura, walaupun ada isu kita dengan negara itu tetapi rakyatnya tetap berduyun-duyun datang ke Malaysia untuk berbelanja dan bercuti. Malah sekarang ini Singapura turut buat iklan untuk promosi negaranya di kalangan rakyat negara kita. Walaupun kita ada masalah antara dua negara, namun hubungan dan pergerakan antara rakyat terus berlaku sepanjang masa. Dunia kini semakin matang, walaupun ada isu antara negara, ia tidak akan jejakkan kedatangan pelancong. Ia akan terjejas jika hadapi masalah seperti keganasan, keselamatan dan kesihatan. Rezeki kita cukup baik kerana negara kita yang selamat daripada semua keadaan itu.

**Sepanjang tahun ini, dunia menghadapi pelbagai isu yang menimbulkan kebimbangan di kalangan pelancong. Sejauh mana ia menghalang pergerakan pelancong ke negara ini?**

Pada tahun lalu, kita menerima 13.3 juta pelancong yang berbelanja kira-kira RM25.8 bilion di negara ini tetapi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menganggarkan perbelanjaan mereka mencapai lebih RM39 bilion. Pada tahun ini, pada mulanya kita sasarkan lebih 14 juta. Berdasarkan perkembangan kedatangan pelancong pada Januari yang menerima 1.07 juta pelancong dengan peningkatan 28.3 peratus berbanding tahun lalu dan Februari (985,343), keadaan semasa ketika itu membuktikan sasaran awal itu boleh dicapai. Malangnya, selepas itu kita menghadapi isu perang Iraq, disusuli wabak SARS dan kemudiannya pengeboman di Jakarta. SARS ialah tragedi paling besar yang dihadapi negara kerana ia amat menjejaskan sektor pelancongan. Ketika itu bukan setakat pelancong tak datang tetapi kita sendiri tidak mahu pelancong dari sesetengah negara datang ke Malaysia terutama dari pasaran utama kita seperti China, Hong Kong, Taiwan dan Singapura. Ketika itu, seboleh-bolehnya kita tidak mahu mereka datang bagi memudahkan usaha kita melawan wabak SARS.

Walaupun SARS berjaya diatasi pada Jun tetapi banyak pakej musim panas di negara Barat, mereka batalkan kerana tidak tahu bila SARS akan berakhir. Pada Julai dan Ogos, pelancong meningkat kembali walaupun proses pemulihan agak perlahan. Sejak Mac hingga Ogos, kita mencatatkan penurunan pelancong antara 29 hingga 58 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu. Penurunan serius pada April dan Mei yang melebihi 50 peratus. Bagi pelancong yang nak bercuti menerusi pakej, mereka membuat tempahan kira-kira tiga bulan lebih awal menyebabkan dalam keadaan tidak menentu, ejen mengambil kesempatan mengubah destinasi pelanggan mereka ke negara lain. Selepas tamat SARS, ketika pelancongan mula nak pulih, berlaku pula pengeboman di Jakarta. Itu satu lagi kejutan. Selepas itu ada pula satu kes SARS di Singapura. Bila itu berlaku, ramai lagi ejen batalkan tempahan. Masalah SARS di Singapura dan keganasan di Indonesia ialah masalah utama terhadap sektor pelancongan kerana pelancong asing menganggap rantau kita ini tidak selamat, walaupun di Malaysia kita tidak hadapi sebarang masalah. Namun sebarang kejadian yang berlaku di negara jiran mempunyai pengaruh kerana kita dipandang sebagai negara serantau. Saya yakin kekurangan kedatangan pelancong ke negara kita tahun ini hanya sekitar 30 peratus berbanding tahun lalu. Saya harap tahun ini, kalau kita dapat capai sekitar 10 juta kedatangan pelancong berikutan masalah yang dihadapi, sudah cukup baik. Setakat Ogos lalu, kita sudah menerima 6.17 juta pelancong.

**Bagaimanakah kestabilan dan keamanan termasuk kemuliaan ajaran Islam serta kepentingan hidup terbaik-baik antara kaum yang dinikmati di Malaysia, dipromosikan di kalangan negara luar termasuk penyokong Yahudi?**

Setiap bulan sejak tiga tahun lalu, Kementerian menjemput sekurang-kurangnya 400 orang yang mewakili agensi pelancongan dan media massa melawat negara ini untuk melihat sendiri pelbagai aktiviti kebudayaan dan kehidupan masyarakat tempatan serta melawat lokasi pelancongan di negara kita. Mereka dapat melihat sendiri agama Islam di negara kita sebagai agama sederhana dalam segala segi serta menghormati agama lain.